

FSSA UMS komited pupuk ilmu bidang perhutanan bersama generasi muda

NST 6-4-2016 9

KOTA KINABALU: Fakulti Sains dan Sumber Alam (FSSA) telah menganjurkan program “Selangkah Ke Menara Gading Siri 2” baru-baru ini yang menyasarkan kepada pelajar-pelajar Tingkatan Enam dan lepasan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) di sekolah sekitar Sandakan, Tawau dan Lahad Datu.

Timbalan Dekan (Akademik dan Antarabangsa) FSSA, Prof. Madya Dr. Abdullah Bade berkata program ini antara lain bertujuan untuk memberi peluang kepada bakal calon pelajar mengenali lebih dekat program-program yang

ditawarkan di FSSA, sekali gus memupuk minat mereka dalam bidang perhutanan yang sentiasa mempunyai potensi besar sama ada dalam bidang industri mahupun kerjaya.

“Program kali ini memilih beberapa sekolah seperti Sekolah Menengah Kebangsaan Muhibbah Sandakan, Sekolah Menengah Kebangsaan Agaseh Lahad Datu dan Sekolah Menengah Kebangsaan Kuhara Tawau sebagai lokasi penganjuran.

“Diharap pendekatan ini dapat membuka minat para pelajar meneruskan pengajian mereka di bawah program yang ditawarkan

fakulti ini, khususnya bagi pengambilan pada sesi September 2016/2017 kelak,” katanya.

Sementara itu, Ketua Bidang Sains dan Matematik, Prauniversiti, SMK Muhibbah Sandakan, Shim Lhi Shwo mencadangkan agar

program sebegini akan dijalankan bukan sahaja oleh UMS, malah juga dari institusi pendidikan tinggi yang lain pada masa akan datang.

“Taklimat yang diberikan sangat bermakna kerana meliputi perbincangan mengenai kepentingan mata pelajaran sains, kriteria permohonan program prasiswazah, aktiviti pelajar, prospek kerjaya dan kemudahan yang

ditawarkan oleh UMS.

Ini secara keseluruhan dapat memberi gambaran jelas dan memberi panduan pilihan pengajian yang boleh dipilih oleh para pelajar di peringkat seterusnya,” katanya.

Program siri 2 kali ini dijayakan oleh Prof. Madya Dr. Mahmud Sudin, Dr. Wilson Wong, dan Musri Ismenyah yang mewakili Program

Perhutanan Tropika Antarabangsa, Program Taman Alam Semula jadi dan Rekreasi, Perladangan Hutan dan Perhutani, dan Teknologi dan Industri Kayu yang ditawarkan oleh Kompleks Perhutanan, FSSA.